KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	HARIAN METRO			
TARIKH	:	17/1/2022 (ISNIN)	MUKA SURAT	:	7
JABATAN	:	JABATAN HUTAN SARAWAK			

'Crocodile Dundee' Malaysia sudah tangkap 30 ekor buaya

Kota Samarahan: Sepanjang lima tahun lalu, 'Crocodile Dundee' Malaysia, Francis Chai yang juga anggota *Samarahan Crocodile Hunter* sudah menangkap kira-kira 30 buaya di sekitar daerah ini.

Kerana itu, khidmat Francis, 42, sering 'ditagih' penduduk daerah ini untuk menangkap reptilia ganas terbabit.

Francis berkata, dia mendapat lesen untuk menangkap buaya daripada *Sarawak Forestry Corporation* (SFC) pada 2017 apabila kerap membantu dalam operasi mencari dan menyelamat (SAR) mangsa serangan buaya.

"Saya memohon mendapatkan lesen sebagai pemburu buaya kerana mahu membantu mangsa serangan buaya serta ahli keluarga mereka memandangkan tidak ramai berani untuk berdepan dengan reptilia ini.

"Apabila saya sudah mendapat lesen untuk menangkap buaya, saya mengambil peluang untuk belajar daripada pakar dari SFC serta pemilik *Jong Crocodile Farm* yang juga kenalan saya.

"Disebabkan saya mempunyai lesen untuk menangkap buaya, Ketua Jabatan Sukarelawan Malaysia (Rela) Daerah Samarahan mencadangkan saya menyertai *Samarahan Crocodile Hunter* yang ditubuhkan pada Disember 2020," katanya ditemui di sini, baru-baru ini.

Francis yang juga pengurus restoran berkata, lebih 30 buaya pernah ditangkapnya selepas dia mendapat lesen.

Katanya, buaya paling besar pernah ditangkap sepanjang 4.8 meter dengan berat hampir satu tan.

"Sepanjang tempoh sama, saya berdepan beberapa detik cemas dengan kejadian paling sukar saya lupakan berlaku pada 2019 di Kampung Mang.

"Kami dimaklumkan oleh penduduk yang melihat seekor buaya betina sedang bertelur sebelum pemantauan dibuat di lokasi terbabit," katanya.

Kata Francis, mereka kemudian terserempak dengan buaya terbabit yang berada kurang satu meter dari lokasi mereka berada.

Buaya paling besar pernah ditangkap Francis sepanjang 4.8 meter

"Kami yang terkejut dengan situasi itu terus melarikan diri kerana bimbang diserang buaya sepanjang 3.6 meter terbabit.

"Bagaimanapun, reptilia seberat kira-kira 500 kilogram itu yang berada di kawasan darat ketika itu, berjaya ditangkap menggunakan jengkaut," katanya.

Menurut Francis, pihaknya turut mengambil 78 telur buaya itu dan selepas perut reptilia terbabit dibelah, mereka menemui 22 lagi telur didalamnya.

Francis berkata, pihaknya sentiasa bekerjasama dengan SFC bagi setiap aduan diterima daripada penduduk.

Seorang lagi pemburu buaya, Tuanku Zainal Tuanku Jedan, 55, berkata, minat untuk menyertai operasi memburu buaya mendorongnya untuk menyertai Samarahan Crocodile Hunter.

"Sebagai sukarelawan dalam pasukan ini, saya memainkan peranan membantu ketua untuk memancing umpan selain memandu bot.

"Rasa minat yang mendalam menghilangkan rasa takut sekali gus mendorong untuk menjadi sukarelawan SFC sejak belasan tahun dulu. Malah, saya menyertai setiap operasi memburu buaya di daerah ini," katanya.

Tuanku Zainal yang juga penjawat awam berkata, walaupun sudah berpengalaman menangkap buaya, tetap timbul rasa bimbang setiap kali menyertai operasi.

"Sepanjang menyertai *Samarahan Crocodile Hunter*, saya berdepan pelbagai pengalaman sukar dilupakan termasuk melihat mayat mangsa dalam keadaan ngeri dengan ada antaranya putus tangan serta anggota badan lain.

"Semasa menyertai operasi SFC di Kampung Soh, Serian, saya berdepan situasi cemas apabila buaya yang sudah memakan umpan di atas tebing meronta agresif.

"Ia menyebabkan pihak berkuasa terpaksa melepaskan tembakan terhadap buaya sepanjang 5.1 meter seberat hampir satu tan, namun tembakan itu tersasar sebelum reptilia terbabit meluncur dan hampir masuk ke dalam bot kami," katanya.

HM 17.1.2022_7